

GHARAR ANALYSIS IN FOOD BENEFITS OF GRAB UNLIMITED SUBSCRIPTION PLAN FROM THE PERSPECTIVE OF FIQH MUAMALAT

ANALISIS GHARAR DALAM MANFAAT MAKANAN PELAN LANGGANAN GRAB UNLIMITED DARI PERSPEKTIF FIQH MUAMALAT

Abid Iman Hasmadyⁱ & Amir Fazlim Jusoh@Yusoffⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. P142682@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. amiry@ukm.edu.my

Article Progress

Received: 26 August 2025

Revised: 30 September 2025

Accepted: 30 October 2025

Abstract	<p><i>Grab Unlimited is a digital subscription plan gaining popularity among Malaysian Grab users. The plan offers multiple benefit categories to customers through monthly payments, including food benefits such as free delivery, Hot Deals, pickup discounts, and direct delivery discounts for GrabFood services. However, the structure and delivery mechanism of these food benefits raise shariah concerns regarding gharar elements in the benefits customers will receive. This study aims to analyze gharar issues within Grab Unlimited's food benefits from a fiqh muamalat perspective. The research methodology employs a qualitative approach through content analysis and comparative analysis of scholarly views on similar issues in discount card purchases. The findings identify gharar elements present in each category of Grab Unlimited's food benefits. Free delivery contains uncertainty in savings value depending on restaurant distance, usage frequency, and ability to meet the minimum purchase requirement of RM20; Hot Deals vouchers contain uncertainty regarding campaign availability, participating restaurant limitations, and ability to meet minimum purchase requirements (RM50 for RM12 off and RM25 for RM7 off); pickup discounts contain uncertainty in usage frequency, restaurant availability for pickup services, and discount value depending on order amount; while direct delivery discounts contain uncertainty in the inability to plan costs in advance and usage frequency. Analysis from a fiqh muamalat perspective shows that although these uncertainties contain gharar elements, they are classified as gharar yasir (permissible minor uncertainty) based on three main factors: low maximum loss limit (RM4.90 per month), comprehensive information transparency, and unavoidable uncertainty. The study concludes that the Grab Unlimited plan is permissible from a shariah perspective with the condition of usage based on genuine needs.</i></p> <p>Keywords: <i>Gharar, Digital, Subscription, Grab, Muamalat.</i></p>
Abstrak	<p><i>Grab Unlimited merupakan pelan langganan digital yang semakin mendapat tempat dalam kalangan pengguna aplikasi Grab di Malaysia. Pelan ini menawarkan pelbagai kategori manfaat kepada pelanggan melalui</i></p>

pembayaran bulanan, termasuk manfaat makanan yang merangkumi penghantaran percuma, Hot Deals, diskaun ambil sendiri dan diskaun penghantaran langsung GrabFood. Namun begitu, struktur dan mekanisme pemberian manfaat makanan pelan ini menimbulkan persoalan dari perspektif syariah berkenaan unsur gharar pada manfaat yang bakal dinikmati pelanggan. Kajian ini bertujuan menganalisis isu gharar yang wujud dalam manfaat makanan Grab Unlimited dari perspektif fiqh muamalat. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan dan analisis perbandingan terhadap pandangan-pandangan ulama mengenai isu serupa dalam pembelian kad diskaun. Dapatan kajian mengenal pasti elemen-elemen gharar yang wujud dalam setiap kategori manfaat makanan Grab Unlimited. Penghantaran percuma mengandungi ketidakpastian nilai penjimatan bergantung jarak kedai, kekerapan penggunaan dan kemampuan memenuhi pembelian minimum RM20, baucar Hot Deals mengandungi ketidakpastian ketersediaan kempen, keterbatasan restoran yang mengambil bahagian dan kemampuan memenuhi pembelian minimum (RM50 untuk RM12 off dan RM25 untuk RM7 off), diskaun tempahan ambil sendiri mengandungi ketidakpastian kekerapan penggunaan, keterbatasan restoran yang menyediakan perkhidmatan ambil sendiri dan nilai diskaun yang bergantung kepada jumlah tempahan, manakala diskaun penghantaran langsung mengandungi ketidakpastian ketidakmampuan merancang kos yang akan ditanggung dan kekerapan penggunaan. Analisis dari perspektif fiqh muamalat menunjukkan bahawa walaupun ketidakpastian ini mengandungi elemen gharar, ia dikategorikan sebagai gharar yasir yang dibenarkan berdasarkan tiga faktor utama iaitu had kerugian maksimum yang rendah (RM4.90 sebulan), ketelusan maklumat yang menyeluruh dan ketidakpastian yang sukar dielakkan. Sintesis kajian menyimpulkan bahawa pelan Grab Unlimited adalah dibenarkan dari perspektif syariah dengan syarat penggunaan berdasarkan keperluan sebenar.

Kata kunci: *Gharar, Digital, Langgan, Grab, Muamalat.*

PENDAHULUAN

Pada era ledakan internet, kebanyakan laman sesawang mengambil inisiatif dalam menarik minat pengguna internet dengan menawarkan kandungan-kandungan percuma merangkumi berita, data perniagaan dan statistik sukan dengan mengharapkan pendapatan daripada hasil pengiklanan (Wang et al., 2005). Walau bagaimanapun, model perniagaan yang bergantung sepenuhnya kepada pendapatan iklan menghasilkan kadar pendapatan yang tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan asas syarikat untuk terus beroperasi (Wang et al., 2005).

Menurut Streitfield dan Cha, beberapa syarikat dan pengendali laman sesawang mula mempelbagaikan sumber pendapatan mereka dengan beralih kepada model kandungan berbayar (Wang et al., 2005). Walau bagaimanapun, peralihan ini menimbulkan satu persoalan berkenaan kesediaan pelanggan untuk membayar perkhidmatan atau kandungan dalam talian setelah mereka terbiasa menikmatinya secara percuma sebelum ini.

Kajian empirikal menunjukkan bahawa kesediaan pelanggan untuk melanggan kandungan dan perkhidmatan dalam talian adalah berdasarkan beberapa faktor seperti kemudahan, keperluan, kekerapan penggunaan, nilai tambah serta kualiti perkhidmatan yang ditawarkan (Wang et al., 2005). Fenomena langganan dalam talian juga turut berkembang dalam kalangan pengguna internet tanah air. Shahrul dan Normah (2015) melaporkan bahawa akhbar digital di Malaysia mencatatkan pertumbuhan ketara melebihi 1000 peratus sekitar tahun 2012 sehingga 2014, berbanding akhbar bercetak yang tidak menunjukkan pertumbuhan memberangsangkan dalam tempoh yang sama.

Transformasi ini tidak hanya terhad kepada industri media, malah turut merangkumi sektor-sektor lain seperti hiburan digital dengan Netflix yang mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2016 (The Star, 2016), perkhidmatan *e-hailing* seperti Grab yang diperkenalkan pada 2012 (ByteBridge, 2025) dan perkhidmatan penghantaran makanan seperti FoodPanda yang diperkenalkan pada 2012 (Venxhin Pang, 2017).

Kini, syarikat Grab mula memperkenalkan produk langganan digital baharu yang menawarkan pelbagai kategori manfaat kepada pelanggan melalui pembayaran yuran langganan secara berkala (Alex Cheong P. Y., 2023). Struktur pelan ini menggabungkan pelbagai jenis manfaat dalam satu langganan merangkumi *food benefits* (manfaat makanan), *mart benefits* (manfaat pasaraya), *car benefits* (manfaat pengangkutan) dan *GrabRewards benefits* (manfaat mata ganjaran) (Grab, t.th). Namun begitu, penelitian terhadap manfaat-manfaat pelan ini telah menimbulkan isu ketidakpastian dari perspektif fiqh muamalat berkaitan unsur *gharar* yang wujud.

Start.io (2024) merekodkan bahawa jumlah pengguna aplikasi Grab di Malaysia sudah mencecah 2.2 juta pengguna pada tahun 2024. Memandangkan majoriti penduduk Malaysia adalah beragama Islam iaitu sekitar 65.3% daripada 32.7 juta penduduk (Khairul Hamimah, 2023), kajian dari perspektif syariah terhadap pelan langganan ini amat diperlukan bagi memastikan kepatuhannya kepada prinsip muamalat Islam.

Kajian-kajian sedia ada terhadap isu-isu syariah pelan langganan ini dilihat masih terhad serta tidak memberikan analisis komprehensif berkenaan struktur dan pelan operasi langganan. Kekurangan analisis mendalam ini menyebabkan ketidakjelasan dalam penilaian *gharar* yang wujud dalam setiap kategori manfaat yang ditawarkan oleh pelan. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis isu *gharar* yang wujud dalam manfaat makanan pelan Grab Unlimited dari perspektif fiqh muamalat dengan meneliti unsur ketidakpastian manfaat yang akan diperoleh pelanggan.

Analisis dilakukan dengan menilai tahap setiap kategori *gharar* yang dikenal pasti berdasarkan kriteria *gharar yasir* dan *gharar fahish* serta implikasinya terhadap keabsahan transaksi. Kajian ini hanya memberi fokus kepada manfaat makanan Grab Unlimited yang merangkumi penghantaran percuma, baucar Hot Deals, diskaun tempahan ambil sendiri dan diskaun penghantaran langsung berdasarkan kepelbagaian dan kompleksiti unsur *gharar* yang wujud dalam kategori ini.

Kepentingan kajian ini tidak hanya berlegar dalam ruang akademik sahaja, malah turut memberi implikasi praktikal kepada pengguna Muslim di Malaysia dalam memilih langganan yang selari dengan prinsip syariah. Dapatan kajian dijangka dapat menjadi panduan bagi pengguna Muslim, institusi fatwa serta pemain industri dalam membangunkan produk langganan digital yang patuh syariah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan yang bertujuan memahami dan menganalisis isu *gharar* yang terkandung dalam manfaat makanan pelan Grab Unlimited. Pengumpulan data dilakukan melalui tiga sumber utama. Analisis dokumen rasmi pelan Grab Unlimited yang bersumberkan laman sesawang dan aplikasi Grab dengan memberi fokus kepada struktur manfaat makanan, mekanisme pemberian manfaat serta terma dan syarat yang berpotensi menimbulkan unsur *gharar* khususnya berkaitan ketidakpastian manfaat yang akan diperoleh pelanggan.

Selain itu, analisis kandungan turut dilakukan terhadap konsep dan kriteria *gharar* dalam fiqh muamalat dengan merujuk kitab-kitab klasik serta artikel jurnal berkenaan klasifikasi *gharar yasir*, *gharar fahish* dan *gharar mutawassit*. Pengumpulan data turut merangkumi pandangan ulama dan institusi fatwa tempatan serta antarabangsa terhadap pembelian kad diskaun dan isu *gharar* dalam Grab Unlimited sebagai analisis perbandingan.

Analisis data mengaplikasikan pendekatan tematik dengan mengkategorikan elemen-elemen *gharar* yang wujud dalam manfaat makanan Grab Unlimited. Kajian mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidakpastian manfaat serta

menilai tahap *gharar* berdasarkan kriteria *gharar fahish* dan *gharar yasir* dalam fiqh muamalat. Analisis perbandingan turut dilakukan dengan mengaitkan struktur dan operasi Grab Unlimited dengan pembelian kad diskaun yang telah dibincangkan oleh para ulama, merangkumi pandangan yang mengharamkan dan mengharuskan transaksi tersebut.

Peringkat sintesis melibatkan penilaian keseluruhan terhadap ketidakpastian manfaat yang diperoleh pelanggan berdasarkan analisis *gharar* yang telah dilakukan. Kajian ini menentukan implikasi hukum terhadap keabsahan transaksi bagi pelanggan Muslim di Malaysia melalui integrasi pandangan ulama dan analisis perbandingan yang komprehensif.

DAPATAN KAJIAN

Elemen-elemen *gharar* dalam manfaat makanan grab unlimited

Grab Unlimited merupakan pelan langganan serba fungsi yang mula dilancarkan oleh syarikat Grab pada akhir tahun 2021 (Alex Cheong P. Y., 2022). Ia menawarkan tiga pilihan pelan berbeza iaitu langganan sebulan berharga RM4.90, langganan 6 bulan berharga RM27.00 (RM4.50 sebulan) dan langganan 12 bulan berharga RM47.90 (RM3.99 sebulan) (Grab, t.th). Selaras dengan skop kajian, analisis ini memberi fokus kepada manfaat makanan Grab Unlimited yang merangkumi penghantaran percuma, baucar Hot Deals, diskaun tempahan ambil sendiri dan diskaun penghantaran langsung.

1. Penghantaran Percuma

Manfaat penghantaran percuma (sehingga RM3) memerlukan pembelian minimum RM20 dan tertakluk kepada had penggunaan maksimum 99 kali sepanjang kitaran langganan bulanan Grab Unlimited (Grab t.th). Ketidakpastian dalam manfaat ini timbul kerana beberapa faktor yang saling berkaitan. Nilai penjimatan bergantung kepada jarak antara kedai dan lokasi pelanggan, di mana pemilihan kedai berdekatan menghasilkan caj penghantaran rendah manakala kedai jauh membolehkan pelanggan memanfaatkan potongan maksimum RM3.

Manfaat ini turut memerlukan pembelian minimum RM20 untuk setiap transaksi. Hal ini menyebabkan pelanggan tidak dapat memastikan sama ada corak pembelian mereka mampu kekal konsisten untuk mencapai had minimum sepanjang tempoh langganan. Had penggunaan 99 kali sebulan turut mencetuskan elemen ketidakpastian kerana pelanggan tidak mampu meramalkan kekerapan penggunaan mereka. Kesemua faktor ini menyebabkan pelanggan berisiko mengalami kerugian jika penggunaan rendah atau memperoleh penjimatan melebihi yuran langganan jika penggunaan tinggi.

2. Baucar Hot Deals

Manfaat Hot Deals terbahagi kepada dua peringkat diskaun iaitu RM12 off dengan pembelian minimum RM50 dan RM7 off dengan pembelian minimum RM25. Kedua-dua peringkat turut disertakan dengan manfaat penghantaran percuma sehingga RM3 yang boleh dimanfaatkan di lebih 10,000 restoran terpilih seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, had tebusan dan tempoh sah laku tawaran ini bergantung sepenuhnya kepada kempen dan tidak akan diperbaharui secara automatik bersama langganan Grab Unlimited (Grab t.th).

Manfaat Hot Deals dengan dua peringkat diskaun ini menimbulkan ketidakpastian penggunaan yang ketara kerana bergantung kepada beberapa faktor yang tidak dapat dikawal oleh pelanggan. Ketidakpastian utama berlaku apabila masa kempen tidak selari dengan keperluan pelanggan. Pelanggan mungkin memerlukan perkhidmatan GrabFood ketika tiada kempen berlangsung atau sebaliknya, kempen tersedia tetapi mereka tidak memerlukan perkhidmatan tersebut. Keadaan ini menghalang pelanggan daripada merancang penggunaan untuk memaksimumkan pulangan langganan.

Pelanggan juga tidak dapat memastikan kemampuan mereka memenuhi keperluan minimum pembelian (RM 50 untuk RM12 off dan RM25 untuk RM7 off), kerana corak pembelian berbeza bergantung kepada keperluan semasa, bilangan orang yang makan, jenis

makanan dan faktor ekonomi. Mereka mungkin mahu menggunakan baucar diskaun RM12 tetapi hanya mampu berbelanja kurang daripada RM50, atau sebaliknya.

Keterbatasan pilihan restoran yang mengambil bahagian dalam kempen turut mempengaruhi keupayaan pelanggan memanfaatkan Hot Deals, terutamanya jika restoran pilihan mereka tidak terlibat dalam promosi.

3. Diskaun Tempahan Ambil Sendiri (10% Off Pickup)

Diskaun tempahan ambil sendiri memberikan potongan 10% (sehingga RM12) tanpa keperluan pembelian minimum. Baucar ini terhad kepada 10 kali penggunaan dalam kitaran langganan bulanan dan hanya boleh digunakan di restoran yang menyediakan perkhidmatan ambil sendiri (Grab, t.th). Ketidakpastian dalam manfaat ini timbul daripada had penggunaan yang terhad kepada 10 kali sebulan.

Pelanggan tidak dapat meramalkan kekerapan mereka memilih kaedah ambil sendiri berbanding penghantaran kerana ia bergantung kepada faktor-faktor seperti lokasi kedai, keadaan cuaca, masa yang tersedia dan kemudahan pengangkutan. Keterbatasan kedai yang menawarkan perkhidmatan ambil sendiri turut menimbulkan ketidakpastian. Pelanggan mungkin mahu menggunakan manfaat ini di kedai yang tidak menyediakan *pickup* atau sebaliknya, kedai yang menawarkan perkhidmatan ini bukan pilihan utama mereka.

Corak penggunaan *pickup* juga berbeza mengikut bulan atau musim, menjadikan penggunaan tidak konsisten. Nilai diskaun 10% (sehingga RM12) bergantung kepada jumlah tempahan setiap transaksi yang tidak dapat dijangka pelanggan. Tempahan bernilai rendah menghasilkan diskaun yang kecil dan tidak mencapai had maksimum RM12, menghalang pelanggan daripada mengoptimalkan pulangan manfaat ini.

4. Diskaun Penghantaran Langsung (Direct Delivery Discount)

Direct Delivery merupakan perkhidmatan eksklusif yang memadankan pelanggan dengan pemandu khusus untuk penghantaran terus tanpa persinggahan, menghasilkan masa menunggu yang lebih singkat berbanding Standard atau Saver Delivery. Pelanggan Grab Unlimited menikmati perkhidmatan ini pada harga diskaun tanpa had penggunaan, dengan perbandingan harga dipaparkan semasa proses tempahan (Grab, t.th).

Manfaat ini menimbulkan ketidakpastian kerana pelanggan tidak dapat merancang kos yang akan ditanggung sebelumnya. Walaupun perbandingan harga antara pilihan *direct*, *standard* dan *saver delivery* dipaparkan semasa proses tempahan, pelanggan masih tidak dapat menganggar nilai sebenar manfaat tanpa melalui proses tempahan terlebih dahulu. Pelanggan turut tidak mampu meramalkan kekerapan penggunaan perkhidmatan penghantaran langsung kerana ia bergantung kepada keperluan segera untuk mendapatkan makanan dengan pantas.

Corak penggunaan *direct delivery* adalah berbeza bergantung situasi individu, tahap kecemasan dan kesediaan membayar harga premium, menjadikan manfaat *direct delivery discount* sukar dinilai dari segi pulangan yang dijangka. Analisis keseluruhan menunjukkan corak ketidakpastian yang konsisten dalam semua kategori manfaat makanan, mengesahkan kewujudan *gharar* manfaat yang memerlukan penilaian dari perspektif syariah.

Analisis dari Perspektif Fiqh Muamalat

Klasifikasi dan Justifikasi *Gharar* dalam Manfaat Makanan *Grab Unlimited*

Walaupun manfaat makanan *Grab Unlimited* mengandungi unsur ketidakpastian sebagaimana yang telah dianalisis dalam bahagian 3.1, ia dikategorikan sebagai *gharar yasir* yang dibenarkan dalam fiqh muamalat. Manfaat makanan *Grab Unlimited* tidak mencapai tahap *gharar fahish* yang diharamkan disebabkan oleh beberapa faktor:

1. Had Kerugian Maksimum yang Rendah dan Terkawal

Kadar bayaran minimum RM4.90 sebulan menetapkan had kerugian maksimum pada tahap yang sangat rendah. Pelanggan hanya perlu menggunakan satu hingga dua kali manfaat penghantaran percuma atau satu baucar *Hot Deals* bagi mencapai pulang modal, menyebabkan risiko kerugian menjadi kecil. Selain itu, pelanggan boleh menggunakan pelbagai kategori manfaat makanan beberapa kali dalam tempoh langganan (mengikuti had yang ditetapkan), sekali gus membolehkan akumulasi manfaat yang diperoleh menyamai atau melebihi bayaran RM4.90.

Had kerugian maksimum yang rendah ini memastikan struktur langganan tidak menjejaskan maslahat pelanggan, sekaligus memenuhi kriteria *gharar yasir* yang tidak menimbulkan mudarat ketara kepada pihak yang berakad.

2. Ketelusan Maklumat

Ketelusan maklumat manfaat makanan yang boleh diakses melalui aplikasi dan laman sesawang rasmi Grab, membolehkan pelanggan memahami struktur setiap manfaat, had penggunaan, syarat pembelian minimum dan tempoh keabsahan sebelum membuat keputusan melanggan. Hal ini membolehkan pelanggan membuat penilaian rasional bagi mengelakkan sebarang kerugian yang tidak dijangka.

3. Ketidakpastian Sukar Dielakkan

Ketidakpastian manfaat langganan digital *Grab Unlimited* merupakan elemen yang melekat pada konsep langganan itu sendiri. Hal ini berbeza dengan kriteria *gharar fahish* yang boleh dielakkan dengan perubahan struktur akad atau penambahan maklumat. Ketidakpastian manfaat dalam model langganan ini merupakan ciri intrinsik yang sukar dielakkan tanpa mengubah keseluruhan konsep perniagaan.

4. Sintesis berkaitan Ketidakpastian Manfaat Makanan Grab Unlimited

Berdasarkan analisis klasifikasi, ketidakpastian manfaat makanan Grab Unlimited dikategorikan sebagai *gharar yasir* yang ditoleransi oleh syariah. Klasifikasi ini selaras dengan pendekatan Jabatan Mufti Negeri Selangor (2023) yang menganggap *gharar* dalam manfaat langganan *Grab Unlimited* sebagai *gharar yasir* berdasarkan kadar bayaran minimum dan ketiadaan mudarat yang signifikan kepada pelanggan.

Pelanggan Muslim di Malaysia boleh melanggan pelan ini dengan keyakinan bahawa ia tidak melanggar prinsip asas fiqh muamalat. Walau bagaimanapun, pelanggan disyorkan membuat penilaian realistik terhadap corak penggunaan mereka dan memanfaatkan perkhidmatan berdasarkan keperluan sebenar bagi memastikan pelan memberikan manfaat yang sewajarnya.

PERBINCANGAN

Konsep *Gharar* dalam Fiqh Muamalat

Daripada Abu Hurairah RA meriwayatkan:

{نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن بيع الحصة وعن بيع الغرر}

Maksudnya, “Rasulullah SAW melarang daripada jual beli dengan hashah (membaling batu) dan jual beli *gharar*” (Muslim, 1991).

Menurut Abdul Hadi (2012), hadis ini merupakan asas penting kepada larangan jual beli *gharar* dan merupakan kerangka dasar bagi para ilmuwan klasik dan kontemporari dalam mendefinisikan *gharar* menurut neraca syariah. Menurut Ibn Manzur (1883), perkataan *gharar* berasal daripada kata kerja *gharra*. Kata akar ini telah melahirkan kata terbitan *gharar* yang bermaksud *al-nuqsan* (berkurang). Selain itu, beliau turut mengaitkan perkataan *gharar* dengan maksud memperdaya serta memakan harta dengan cara yang salah.

Ibn Abidin (2000) mendefinisikan *gharar* sebagai:

الشك في وجود المبيع

Maksudnya, “Keraguan terhadap kewujudan barang jualan”.

Al-Qalyubi (1995) pula mencadangkan definisi berbeza iaitu:

ما انطوت عنا عاقبته أو ما تردد بين أمرين أغلبهما أخوفهما

Maksudnya, “Sesuatu yang akibatnya tersembunyi daripada kita atau perkara di antara dua kemungkinan, di mana yang paling kerap berlaku adalah yang paling ditakuti”.

Menurut Al-Sidiq (1993), kebanyakan ulama lebih cenderung kepada definisi yang dikemukakan oleh al-Sarakhsi iaitu:

ما يكون مستور العاقبة

Maksudnya, “Sesuatu yang tersembunyi akibatnya”.

Definisi ini lebih komprehensif kerana menggabungkan elemen-elemen *gharar* yang digariskan oleh para ulama, mencakupi aspek *majhul* serta ketidaktentuan mengenai realisasi sesuatu perkara.

Klasifikasi *Gharar* dan Kaedah Penilaian

Pada asasnya, syariah melarang sebarang transaksi yang mengandungi unsur *gharar* (Mohd Shahid, 2023). Walau bagaimanapun, ketidakpastian ini diberikan ruang toleransi berdasarkan tahap *gharar* yang wujud dalam sesuatu transaksi. Para fuqaha telah mengkategorikan *gharar* kepada tiga peringkat iaitu *gharar yasir*, *gharar fahish* dan *gharar mutawassit* (Abdul Hadi, 2012; Mohd Shahid, 2023).

1. *Gharar Yasir*

Gharar yasir merujuk kepada ketidakpastian yang ringan dan berlaku dalam kadar yang minimum. *Gharar* jenis ini dikategorikan sebagai sukar dielakkan tanpa menimbulkan *masyaqqah* (kesusahan) yang berlebihan serta tidak menjejaskan masalah kedua-dua pihak yang berakad (Mohd Shahid, 2023). Para ulama telah bersepakat (*ijma'*) bahawa *gharar yasir* merupakan ketidakpastian yang diharuskan dan diberi toleransi oleh syariah kerana tidak merosakkan objektif asas akad (Wahbah al-Zuhaili, 2006).

Al-Nawawi (1977) berkata, transaksi yang melibatkan *gharar* dalam tahap yang minimum atau diperlukan atas dasar *hajah* (keperluan) atau sukar dielakkan adalah dibenarkan. Pandangan ini disokong oleh beberapa ulama lain yang menganggap *gharar yasir* sebagai *ma'dum* (tidak wujud).

Beliau turut mengemukakan beberapa contoh *gharar yasir* tradisional seperti pembelian rumah tanpa mengetahui dengan tepat asas binaan yang digunakan dalam pembinaan tersebut, akad *ijarah* (sewaan) secara bulanan sedangkan terdapat bulan yang mengandungi bilangan hari yang berbeza iaitu 29, 30 dan 31 hari serta bayaran untuk memasuki tandas awam padahal terdapat perbezaan antara jumlah penggunaan air dan tempoh masa para pengguna yang menggunakan tandas tersebut.

2. *Gharar Fahish*

Gharar fahish merujuk kepada ketidakpastian yang berlebihan dan ketara dalam sesuatu transaksi. Menurut al-Nawawi, *gharar* kategori ini mempunyai dua ciri utama iaitu ketidakpastian yang jelas kelihatan dan boleh dielakkan dalam pelaksanaan akad (Mohd Shahid, 2023). Para fuqaha bersepakat bahawa *gharar fahish* dilarang secara *ijma'* (Wahbah al-Zuhaili, 2006) dan mempunyai kesan membatalkan keabsahan akad (Mohd Shahid, 2023). Antara contoh yang diberikan oleh para fuqaha bagi *gharar* kategori ini adalah seperti jual beli ikan yang masih berada di dalam sungai atau burung yang masih berada di udara.

3. *Gharar Mutawassit*

Gharar mutawassit merupakan ketidakpastian pada tahap sederhana yang berada di antara *gharar yasir* dan *gharar fahish*. Ketidakpastian ini berlaku apabila unsur *gharar* yang timbul tidak terlalu minimum dan juga tidak terlalu berlebihan. Para ulama memberikan contoh *gharar mutawassit* seperti jual beli barang ghaib, iaitu barang yang tidak berada di hadapan ketika pelaksanaan kontrak (Abdul Hadi, 2012). Para fuqaha berbeza pendapat dalam menentukan kecenderungan *gharar* ini sama ada lebih menghampiri *gharar yasir* atau *gharar fahish* (Mohd Shahid, 2023).

Sebahagian ulama mengklasifikasikan *gharar mutawassit* sebagai *gharar fahish*, justeru tidak membenarkannya dalam transaksi muamalat. Walau bagaimanapun, sebahagian ulama lain meletakkan *gharar* ini dalam kategori *gharar yasir* sehingga dimaafkan dan diharuskan dalam muamalat (Mohd Shahid, 2023).

Secara kesimpulan, implikasi kategori-kategori *gharar* ini adalah seperti yang disimpulkan oleh Ibn Rushd (2021):

فالفقهاء متفقون على أن الغرر الكثير في المبيعات لا يجوز, وأن القليل يجوز

Maksudnya, "Para fuqaha bersepakat bahawa ketidakjelasan yang banyak terhadap barangan jualan adalah diharamkan, manakala ketidakjelasan yang sedikit adalah diharuskan".

Perbandingan dengan Kajian Terdahulu

Isu *gharar* Grab Unlimited telah mendapat perhatian ilmuwan dan institusi fatwa tempatan. Setakat ini, terdapat dua sumber yang membincangkan isu ini secara umum sekali gus dilihat relevan dalam menjadi rujukan asas bagi menganalisis manfaat makanan pelan langganan ini. Pandangan-pandangan ini secara tidak langsung memberi gambaran awal perspektif ilmuwan semasa terhadap ketidakpastian imbalan manfaat langganan digital kontemporari.

1. Pandangan Zulkifli Mohamad

Pada awalnya, Zulkifli (2023a) berpandangan Grab Unlimited tidak mengandungi unsur *gharar* kerana semua manfaat telah dipaparkan kepada pelanggan. Dalam pandangan terkini, Zulkifli (2023b) mengubah pendiriannya dengan menyatakan bahawa Grab tidak menerangkan secara terperinci berkenaan bayaran RM4.90 sebulan serta realiti produk yang bakal diperoleh pelanggan adalah bersifat tidak tetap.

Ketidakpastian ini menyebabkan pelanggan tidak dapat mengetahui imbalan sebenar berbanding bayaran langganan yang dibuat. Perubahan pandangan ini mengesahkan kewujudan unsur *gharar* imbalan manfaat dalam langganan Grab Unlimited.

2. Pandangan Jabatan Mufti Negeri Selangor

Jabatan Mufti Negeri Selangor (2023) berpandangan bahawa terdapat kemungkinan berlaku unsur *gharar* dalam konteks penggunaan pelanggan terhadap manfaat pelan. Walau bagaimanapun, *gharar* tersebut dinilai sebagai *gharar yasir* yang dimaafkan disebabkan harga pelan yang minimum (RM4.90 sebulan).

Perbezaan Kajian

Berbeza dengan kajian terdahulu yang menilai Grab Unlimited secara umum, kajian ini menyediakan analisis terperinci terhadap setiap kategori manfaat makanan secara berasingan. Pendekatan ini membolehkan pengenalanpastian elemen-elemen *gharar* spesifik dalam penghantaran percuma, baucar Hot Deals, diskaun tempahan ambil sendiri dan diskaun penghantaran langsung.

Kajian ini turut memberikan justifikasi yang lebih kukuh terhadap klasifikasi *gharar yasir* melalui tiga faktor kritikal iaitu had kerugian maksimum yang rendah, ketelusan maklumat dan ketidakpastian yang sukar dielakkan. Justifikasi ini lebih mendalam

berbanding pandangan sedia ada yang hanya bergantung kepada kadar bayaran minimum sebagai asas penilaian.

Seterusnya, kajian ini menggunakan pendekatan metodologi yang lebih sistematik melalui analisis kandungan terhadap struktur dan mekanisme setiap manfaat, berbanding kajian terdahulu yang lebih kepada pandangan umum tanpa analisis struktur yang terperinci.

Analisis Perbandingan dengan Pembelian Kad Diskaun

Jabatan Mufti Negeri Selangor (2023) menganggap langganan Grab Unlimited menyerupai pembelian kad diskaun, di mana pelanggan membayar yuran untuk mendapatkan faedah tertentu seperti potongan harga khas. Pandangan ini disokong oleh Zulkifli (2023b) yang menjadikan hukum pembelian kad diskaun sebagai kerangka rujukan dalam menilai Grab Unlimited.

Kedua-dua produk berkongsi struktur operasi serupa dari sudut pembayaran yuran tetap bagi mendapatkan manfaat yang bersifat tidak menentu. Justeru, analisis isu *gharar* dalam pembelian kad diskaun dapat memberikan perspektif berguna bagi menilai tahap *gharar* dalam imbalan manfaat Grab Unlimited.

Persamaan Utama antara Grab Unlimited Dengan Pembelian Kad Diskaun

1. Komitmen Pembayaran Berkala

Kedua-dua transaksi memerlukan pelanggan membuat pembayaran sebagai syarat untuk mengakses manfaat yang disediakan. Kad diskaun biasanya mengenakan yuran tahunan atau sekali (Fitri Naim, 2025), manakala Grab Unlimited menawarkan pilihan langganan sebulan, enam bulan atau setahun (Grab, t.th). Struktur ini mewujudkan komitmen kewangan sebelum pelanggan dapat menikmati sebarang faedah yang dijanjikan.

2. Pemanfaatan Berterusan

Kedua-dua sistem membolehkan pelanggan menggunakan manfaat secara berulang sepanjang tempoh aktif. Pelanggan boleh memanfaatkan diskaun atau faedah yang ditawarkan selagi masih dalam tempoh keahlian dan belum mencapai had penggunaan (jika ada). Ciri ini membezakannya dengan promosi sekali atau diskaun spontan yang tidak memerlukan komitmen jangka panjang.

3. Ketidakpastian Nilai Pulangan

Kedua-dua sistem menawarkan manfaat dengan nilai yang tidak menentu kerana bergantung kepada corak penggunaan, keperluan individu dan faktor luaran yang tidak dapat dikawal pelanggan. Pelanggan tidak dapat mengira dengan tepat sama ada nilai faedah yang diperoleh akan menyamai, melebihi atau kurang daripada bayaran yang dibuat. Ketidakpastian ini menjadi elemen utama yang menimbulkan persoalan *gharar* dalam kedua-dua produk.

Perbezaan Kritikal antara Grab Unlimited Dengan Pembelian Kad Diskaun

1. Platform dan Medium Operasi

Kad diskaun biasanya berbentuk fizikal seperti kad plastik yang perlu dibawa semasa transaksi (Jamilah Adl, 2024). Sebaliknya, Grab Unlimited beroperasi sepenuhnya secara digital melalui aplikasi mudah alih tanpa bentuk fizikal. Perbezaan medium ini mempengaruhi cara pelanggan berinteraksi dengan sistem dan mengakses maklumat manfaat.

2. Variasi dan Kompleksiti Manfaat

Kad diskaun lazimnya menawarkan satu kategori manfaat utama iaitu potongan harga untuk produk atau perkhidmatan tertentu (Jamilah Adl, 2024). Sebaliknya, Grab Unlimited menggabungkan pelbagai jenis faedah dalam satu pakej termasuk manfaat makanan (Grab,

t.th). Kepelbagaian ini meningkatkan kompleksiti penilaian nilai keseluruhan dan menyukarkan pelanggan menganggar pulangan yang tepat.

3. Struktur Had Penggunaan

Kad diskaun biasanya tidak menetapkan had penggunaan yang ketat, membolehkan pelanggan memanfaatkan diskaun tanpa batasan sepanjang tempoh keahlian (Khalid Abdullah, 2013). Berbeza dengan Grab Unlimited yang menetapkan had terperinci untuk setiap kategori seperti 99 kali untuk penghantaran percuma (Grab, t.th). Perbezaan ini mempengaruhi keupayaan pelanggan untuk meramal dan merancang penggunaan manfaat sepanjang tempoh langganan.

Pandangan Ulama Tentang Kad Diskaun

Pandangan Ulama Yang Mengharamkan Pembelian Kad Diskaun

1. Pandangan Dairah Al-Ifta' Al-Amm, Jordan

Dairah al-Ifta' al-Amm, Jordan (2016) menyatakan bahawa kad diskaun yang diperoleh secara berbayar adalah dilarang kerana merupakan transaksi yang mendedahkan pengguna kepada ketidakpastian sama ada akan memperoleh keuntungan atau kerugian. Kad diskaun ini dikeluarkan bertujuan memperdaya pengguna dan mengaut keuntungan daripada mereka. Resolusi No. 138 (3/2010) oleh Lembaga Ifta', Penyelidikan dan Pengajian Islam bertajuk "*Ruling of Sharia on Discount Cards Offered by Malls as Incentive to Purchasers*" membezakan dua keadaan dalam pembelian kad diskaun:

- i) Kad diskaun yang memerlukan bayaran melebihi kos pengeluaran atau melalui sistem langganan tahunan adalah dilarang kerana mengandungi unsur perjudian. Pelanggan berisiko mengalami kerugian sekiranya tidak membuat pembelian di premis yang menawarkan diskaun. Ketidakpastian yang bergantung kepada peluang ini merupakan bentuk perjudian yang dilarang dan mengandungi elemen *gharar* yang diharamkan dalam akad *mu'awadah* (pertukaran).
- ii) Sekiranya bayaran hanya merangkumi kos pengeluaran kad tanpa margin keuntungan, maka ia dianggap mengandungi unsur syubhah yang memerlukan kajian lanjut. Dalam situasi ini, mengelakkan perkara syubhah adalah pendekatan yang lebih selamat bagi seorang Muslim (*Dairah al-Ifta' al-Amm*, Jordan, 2016).

2. Pandangan Majma' Al-Fiqhi li Rabitah Al-'Alam Al-Islami

Majma' al-Fiqhi li Rabitah al-Alam al-Islami (2010) telah mengeluarkan resolusi yang mengharamkan penggunaan kad diskaun berbayar dalam Daurah ke-18:

"Selepas mendengar kajian-kajian yang dibentangkan mengenai topik ini serta perbincangan yang mendalam, telah diputuskan bahawa pengeluaran dan pembelian kad diskaun tersebut adalah tidak diharuskan, sama ada ia melibatkan bayaran sekali atau langganan tahunan kerana mengandungi gharar. Pembeli kad membayar sejumlah wang namun tidak mengetahui apa yang akan mereka peroleh sebagai balasan. Kerugian adalah pasti manakala keuntungan hanyalah bersifat kemungkinan".

3. Pandangan Abdul Rahim Sultan al-'Ulama

Abdul Rahim (2006) dalam kertas kerja yang dibentangkan di *Majma' al-Fiqhi li Rabitah al-Alam al-Islami*, Daurah ke-18, berpandangan bahawa pengeluaran kad diskaun berbayar merupakan akad *mu'awadah* yang mengandungi unsur *gharar fahish*. Beliau berhujah bahawa terdapat ketidakpastian terhadap perolehan diskaun yang menjadi objektif utama transaksi tersebut. Abdul Rahim (2006) turut menghuraikan elemen-elemen *gharar* dalam kad diskaun berbayar melalui tiga aspek berikut:

- i. *Gharar* penghasilan merujuk kepada ketidakpastian dalam akad *mu'awadah* di mana pihak yang berakad tidak mengetahui sama ada akan memperoleh imbalan

bagi bayaran yang telah dibuat. Perolehan manfaat diskaun bergantung sepenuhnya kepada kemungkinan aktiviti pembelian masa depan yang mungkin berlaku atau tidak berlaku. Justeru, penyertaan dalam transaksi ini merupakan bentuk spekulasi terhadap perolehan hasil.

- ii. *Gharar* kuantiti iaitu ketidakpastian yang berlaku apabila kuantiti barang jualan bergantung sepenuhnya kepada nilai pembelian. Nilai pembelian yang tinggi akan menghasilkan manfaat diskaun yang tinggi, dan begitu sebaliknya. Keadaan ini menyumbang kepada ketidakpastian sama ada nilai diskaun dapat menyamai harga pembelian kad atau sekadar mencukupi untuk menampung kos asal. Nilai sebenar barang jualan hanya dapat diketahui setelah tempoh penggunaan kad berakhir.
- iii. *Gharar* tempoh merujuk kepada ketidakpastian masa pemegang kad akan memperoleh imbalan daripada transaksi, iaitu diskaun. Manfaat ini hanya diterima apabila aktiviti pembelian dilaksanakan, sedangkan masa tersebut tidak ditentukan semasa pelaksanaan akad. Masa pembelian adalah berbeza bergantung individu, sekali gus menimbulkan *gharar* tempoh perolehan imbalan.

Pandangan Ulama Yang Mengharuskan Pembelian Kad Diskaun

1. Pandangan Sami Ibrahim

Menurut Sami Ibrahim (2005) dalam kajiannya yang dibentangkan kepada *Majma' al-Fiqhi al-Islami*, Makkah al-Mukarramah, beliau mengakui terdapat unsur *gharar* dalam pembelian kad diskaun. Pembeli kad berkemungkinan tidak menggunakan perkhidmatan setelah membayar kad atau menggunakannya dengan nilai yang kurang daripada harga pemilikan kad. Situasi ini menyebabkan pembeli tidak mendapat pulangan yang wajar sekaligus menjadikan urusan niaga tersebut sebagai memakan hak orang lain secara batil.

Namun begitu, beliau berpandangan bahawa *gharar* dalam transaksi ini bergantung kepada keperluan atau tabiat pemegang kad terhadap barangan yang ditawarkan. Sekiranya pemegang kad benar-benar memerlukan barangan tersebut dan pasti akan menggunakan kad dengan kadar yang sepadan dengan harga pembelian, maka transaksi ini tidak mengandungi *gharar* yang dilarang. Sebaliknya, jika pemegang kad biasanya tidak memerlukan barangan yang ditawarkan, maka pembelian kad lebih cenderung kepada pembaziran harta dan termasuk dalam ruang lingkup *gharar* yang dilarang syariah.

Melalui kerangka ini, beliau menyimpulkan bahawa perbezaan pandangan ulama berkenaan *gharar* dalam kad diskaun sebenarnya berpunca daripada dimensi aplikasi praktikal dan bukan kepada prinsip asas muamalat itu sendiri.

2. Pandangan Dubayyan Muhammad

Dubayyan Muhammad (2013) berpendapat bahawa salah satu cara untuk mengharuskan pembelian kad diskaun adalah dengan memahami *ma'qud alaih* sebagai hak untuk mendapat diskaun, bukan nilai diskaun yang diterima pelanggan. Hak ini telah diperolehi semasa pelaksanaan akad sekaligus menghilangkan unsur *gharar* walaupun nilai sebenar diskaun masih bergantung kepada corak penggunaan.

Beliau turut berhujah bahawa pemegang kad membeli kad kerana mereka memerlukan barangan yang ditawarkan. Apabila mereka melakukan pembelian, mereka menggunakan hak tersebut, tetapi jika mereka tidak melakukan pembelian, ia adalah pilihan peribadi mereka. Penolakan seseorang terhadap hak miliknya tidak menjejaskan keabsahan hak berkenaan.

3. Pandangan Berdasarkan Justifikasi Kos Operasi

Sebahagian ilmuwan membenarkan pembelian kad diskaun berdasarkan justifikasi kos operasi. Yusuf Abdullah al-Syubaili (2011) berpendapat bahawa langganan kad diskaun adalah harus jika bayaran yang dikenakan digunakan untuk menampung kos pengeluaran seperti pentadbiran dan pemasaran. Abdul Aziz (2016) turut bersetuju dengan pandangan

ini dan menyatakan bahawa bayaran sekali atau berkala adalah untuk upah perkhidmatan dan harga kad tersebut.

Ahmad Sufyan (2017) juga berpandangan bahawa yuran minimum adalah imbalan bagi pengurusan pangkalan data dan kos pengeluaran, atau untuk mengelakkan penyalahgunaan pelanggan. Berdasarkan justifikasi ini, mereka meletakkan akad pembelian kad diskaun dalam kategori *gharar yasir* yang dibenarkan.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2017) menyatakan bahawa pandangan ini adalah selari dengan keputusan Mesyuarat Panel Pakar Muamalat, JAKIM bertajuk 'Hukum Penggunaan Kad Diskaun Yang Berbayar'. Mereka membenarkan pembelian kad diskaun yang mengenakan caj pada kadar minimum.

Implikasi Terhadap Penilaian *Gharar* Manfaat Makanan *Grab Unlimited*

Analisis perbandingan antara *Grab Unlimited* dengan pembelian kad diskaun memberikan perspektif komprehensif dalam menilai klasifikasi *gharar* manfaat makanan pelan langganan ini. Persamaan struktural yang wujud antara kedua-dua produk dari sudut komitmen pembayaran berkala, pemanfaatan berterusan dan ketidakpastian nilai pulangan menunjukkan bahawa pandangan ulama terhadap kad diskaun boleh diaplikasikan kepada *Grab Unlimited*.

Perbezaan kritikal yang dikenal pasti pula tidak mengubah sifat asas *gharar* yang wujud dalam kedua-dua produk. *Grab Unlimited* yang berfungsi sepenuhnya dalam platform digital tidak mempengaruhi klasifikasi *gharar* kerana unsur ketidakpastian tetap berpunca daripada corak penggunaan masa depan yang tidak dapat diramal. Kepelbagaian manfaat *Grab Unlimited* yang menggabungkan pelbagai kategori berbanding kad diskaun yang memberi fokus kepada satu kategori tertentu kekal berada dalam ruang lingkup *gharar yasir* disebabkan oleh had kerugian maksimum yang rendah serta ketelusan maklumat yang menyeluruh.

Struktur had penggunaan yang terperinci dalam sebahagian manfaat *Grab Unlimited* sebenarnya mengurangkan tahap *gharar* berbanding kad diskaun konvensional yang tidak menetapkan had yang jelas. Had 99 kali untuk penghantaran percuma dan 10 kali untuk diskaun *pickup* memberikan gambaran yang lebih jelas kepada pelanggan tentang potensi penggunaan sepanjang tempoh langganan.

Pandangan ulama yang mengharamkan pembelian kad diskaun kerana unsur perjudian tidak terpakai kepada *Grab Unlimited* kerana beberapa faktor yang signifikan. Hujah pengharaman berdasarkan bayaran melebihi kos pengeluaran yang dinyatakan oleh Dairah al-Ifta' al-Amm, Jordan (2016) adalah tidak relevan dengan yuran minimum RM4.90 sebulan yang boleh dijustifikasikan sebagai kos operasi platform digital.

Elemen ketidakpastian antara keuntungan dan kerugian yang dibangkitkan oleh *Majma' Al-Fiqhi li Rabitah Al-'Alam Al-Islami* (2010) pula diminimumkan dalam *Grab Unlimited* melalui had kerugian maksimum yang sangat rendah serta ketelusan maklumat yang menyeluruh. Tiga aspek *gharar* yang dihuraikan oleh Abdul Rahim (2006) iaitu *gharar* penghasilan, kuantiti dan tempoh sebenarnya wujud dalam *Grab Unlimited*.

Walau bagaimanapun, *gharar* penghasilan dan *gharar* kuantiti dapat diminimumkan dengan had kerugian maksimum yang rendah dan ketelusan maklumat yang menyeluruh, manakala *gharar* tempoh dapat diminimumkan melalui tempoh keahlian *Grab Unlimited* yang jelas (sebulan, 6 bulan atau 12 bulan) kerana pelanggan dapat merancang potensi penggunaan manfaat sebelum tempoh keahlian berakhir. Sebaliknya, pandangan yang mengharuskan pembelian kad diskaun memberikan sokongan kukuh kepada keharusan *Grab Unlimited*.

Hujah Sami Ibrahim (2005) yang menghubungkan *gharar* dengan keperluan sebenar pelanggan amat relevan dengan struktur *Grab Unlimited*. Pengguna yang melanggan berdasarkan keperluan makanan harian dan berkemungkinan besar menggunakan perkhidmatan dengan kadar yang sepadan dengan yuran RM4.90 tidak terlibat dalam *gharar* yang dilarang. Pandangan ini menyokong syarat yang telah dikenal pasti dalam kajian iaitu penggunaan berdasarkan keperluan sebenar.

Perspektif Dubayyan Muhammad (2013) mengenai *ma'qud alaih* sebagai "hak untuk mendapat diskaun" turut bersesuaian dengan struktur *Grab Unlimited*. Pelanggan memperoleh hak akses kepada pelbagai manfaat makanan sebaik sahaja mereka melakukan langganan. Pilihan mereka untuk menggunakan atau tidak menggunakan manfaat tersebut tidak menjejaskan keabsahan hak yang telah diperolehi.

Justifikasi kos operasi yang dikemukakan oleh Yusuf Abdullah al-Syubaili (2011), Abdul Aziz (2016) dan Ahmad Sufyan (2017) memberikan hujah yang relevan dalam mengharuskan yuran langganan *Grab Unlimited*. Yuran RM4.90 sebulan dapat dijustifikasikan sebagai imbalan bagi pengurusan pangkalan data, kos operasi platform digital dan penyediaan infrastruktur perkhidmatan sekali gus meletakkan transaksi langganan ini dalam kategori *gharar yasir* yang dibenarkan.

Analisis perbandingan *Grab Unlimited* dengan pandangan ulama terhadap kad diskaun memperkukuh dapatan kajian bahawa manfaat makanan *Grab Unlimited* dikategorikan sebagai *gharar yasir* yang dibenarkan dalam fiqh muamalat, dengan syarat penggunaan berdasarkan keperluan sebenar sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Sami Ibrahim (2005).

PENUTUP

Kajian ini bertujuan menganalisis isu *gharar* yang wujud dalam manfaat makanan pelan *Grab Unlimited* dari perspektif fiqh muamalat. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, kajian ini menyimpulkan bahawa ketidakpastian dalam manfaat makanan *Grab Unlimited* dikategorikan sebagai *gharar yasir* yang dibenarkan dalam fiqh muamalat. Klasifikasi ini berdasarkan tiga faktor utama iaitu had kerugian maksimum yang rendah dan terkawal (RM4.90 sebulan), ketelusan maklumat yang menyeluruh serta ketidakpastian yang sukar dielakkan dalam struktur langganan digital.

Ketiga-tiga faktor ini memastikan ketidakpastian yang wujud tidak menimbulkan mudarat yang ketara kepada pelanggan. Kajian ini memberikan sumbangan penting kepada bidang fiqh muamalat dari sudut menyediakan metodologi yang sistematik dalam menilai produk langganan digital dengan menganalisis setiap kategori manfaat secara terperinci serta memperkenalkan pendekatan analisis perbandingan dengan produk konvensional sebagai kerangka rujukan dalam menilai inovasi perkhidmatan digital dari sudut syariah.

Pengguna Muslim di Malaysia boleh melanggan pelan ini dengan syarat mereka membuat penilaian realistik terhadap corak penggunaan dan memanfaatkan perkhidmatan berdasarkan keperluan sebenar. Walau bagaimanapun, kajian ini menghadapi beberapa limitasi. Skop kajian terhad kepada analisis manfaat makanan sahaja dan tidak merangkumi keseluruhan kategori manfaat *Grab Unlimited*.

Kajian ini turut tidak melibatkan data empirikal corak penggunaan sebenar pelanggan yang boleh memberikan gambaran lebih tepat tentang realisasi manfaat yang diperolehi pelanggan. Oleh sebab itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk menganalisis keseluruhan kategori manfaat *Grab Unlimited*, menjalankan kajian empirikal terhadap corak penggunaan dan kepuasan pelanggan Muslim serta membangunkan kerangka penilaian *gharar* yang lebih komprehensif untuk platform langganan digital lain di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Sultan al-'Ulama. (2006). *Bitaqah al-Takhfeed*. Majma' al-Fiqhi li Rabitah al-Alam al-Islami, Daurah ke-18.
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Muhyiddin. (1977). *Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Qalyubi, Ahmad Salamah, & Umairah, Ahmad al-Burullusi. (1995). *Hasyiata Qalyubi wa Umairah 'ala Syarh al-Mahalli 'ala Minhaj al-Tolibin* (Vol. 2). Dar al-Fikri.
- Dubayyan Muhammad al-Dubayyan. (2013). *Muamalat al-Maliyyah Usolah wa Mu'asarah*. (Vol.4). Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin. (2000). *Hashiyat Ibn Abidin: Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar* (Vol. 14). Majma' al-Fath al-Islami.

- Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad ibn Mukarram. (1883). *Lisan al-Arab* (Vol. 6). al-Matba'ah al-Amiriyyah.
- Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad. (2021). *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Muassasah al-Risalah al-Nasyirun.
- Majma' al-Fiqhi li Rabitah al-Alam al-Islami. (2010). *Qararat al-Majma' al-Fiqhi al-Islami bi Makkah al-Mukarramah*. Daurah ke-18.
- Muslim, ibn al-Hajjaj. (1991). *Sahih Muslim* (Vol. 3). Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. Hadith no. 1513.
- Wahbah al-Zuhaili. (2006). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Dar al-Fikiri.

Jurnal

- Abdul Hadi bin Awang. (2012). *Gharar dalam Perspekti Fiqh Al-Hadith: Analisis Terhadap 'Illah dan Prinsip*. Hadis: Jurnal Ilmiah Berimpak.
- Al-Sidiq Muhammad al-Amin. (1993). *Al-Gharar fi al-'Uqud wa Atharuhu fi al-Tatbiqat al-Muasarah*. Al-Bank al-Islami li al-Tanmiah al-Ma'had al-Islami li al-Buhuth wa al-Tadrib, Silsilah Muhadarat al-Ulama al-Barizin (4).
- Jamilah Adl. (2024). *Bitaqat al-Takhfid Wa al-Hukm al-Shar'i laha: Dirasah Fiqhiyyah*. Majallah Kulliyah al-Syariah Wal Kanun – Jamiah al-Azhar.
- Khairul Hamimah Mohd Joidi (2023). *Toleransi Beragama Asas Perpaduan Malaysia Madani*. ResearchGate.
- Khalid Abdullah al-Muslih. (2013). *Al-Hawafiz al-Tijariyyah al-Taswiqiyah wa Ahkamuha fi al-Fiqh al-Islami*. Dar Ibn al-Jawzi.
- Mohd Shahid Mohd Noh. (2023). *Riba dan Gharar dalam Aplikasi Kewangan Digital: Satu Sorotan*. Journal of Ifta and Islamic Heritage.
- Sami Ibrahim al-Sulaim. (2005). *Bitaqat al-Takhfid fi Daw' Qawa'id al-Mu'amalat al-Shar'iyyah*. Majma' Fiqh al-Islami, Makkah al-Mukarramah.
- Shahrul Nazmi Sannusi & Normah Mustaffa. (2015). *Akhbar Versi Digital: Implikasi Terhadap Trend Sirkulasi Akhbar Bercetak di Malaysia*. Malaysian Journal of Communication, 31(2).
- Wang, C. L., Zhang, Y., Ye, L. R., & Nguyen, D. D. (2005). *Subscription to fee-based online services: What makes consumer pay for online content?* Journal of Electronic Commerce Research, 6(4).

Internet

- Abdul Aziz. (2016). *Adakah Kad Diskaun dengan Bayaran Berkala Haram?* Facebook. <https://www.facebook.com/UstazAbdulAzizMN> (diakses pada 27 Oktober 2024).
- Ahmad Sufyan. (2017). *Isu Kad Diskaun Berbayar: Adakah Haram?* Facebook. <https://www.facebook.com/muamalat.my> (diakses pada 27 Oktober 2024).
- Alex Cheong P. Y. (2023). *Grab Officially Introduces GrabUnlimited Plans With Longer Subscription Periods, Cheaper Fees*. <https://ringgitplus.com/en/blog/apps/grab-officially-introduces-grabunlimited-plans-with-longer-subscription-periods-cheaper-fees.html> (diakses pada 26 Julai 2025).
- Alex Cheong P. Y. (2022). *The New GrabUnlimited Plan: Everything You Need To Know*. <https://ringgitplus.com/en/blog/sponsored/the-new-grabunlimited-plan-everything-you-need-to-know.html> (diakses pada 26 Julai 2025).
- ByteBridge. (2025). *Comprehensive Report on Grab Holdings*. <https://bytebridge.medium.com/comprehensive-report-on-grab-holdings-daa9e7d3918f> (diakses pada 26 Julai 2025).
- Dairah al-Ifta' al-Amm, Jordan. (2016). *Ruling on Discount Cards and Promo Coupons (Fatwa Number: 3160)*. <https://www.aliftaa.jo/research-fatwa-english/3160/Ruling-on-Discount-Cards-and-Promo-Coupons> (diakses pada 27 Oktober 2024).
- Fitri Naim bin Roslan. (2025). *Irsyad Hukum Siri ke-881: Hukum Penggunaan Kad Diskaun yang Berbayar*. <https://www.muftiwp.gov.my/> (diakses pada 26 Julai 2025).

- Grab. (n.d). *Grab Unlimited Plan*. <https://www.grab.com/my/transport/unlimited/> (diakses pada 22 Februari 2025).
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2023). Hukum Langganan Grab Unlimited. E-Fatwa Portal e-Musykil. <https://emusykil.muftiselangor.gov.my/> (diakses pada 27 Oktober 2024).
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2017). Hukum Penggunaan Kad Diskaun yang Berbayar. <https://muftiwp.gov.my/> (diakses pada 26 Julai 2025).
- Start.io. (2024). *Grab Users in Malaysia*. <https://www.start.io/audience/grab-users-in-malaysia> (diakses pada 23 Jun 2025).
- The Star. (2016). Netflix Has Landed in Malaysia. <https://www.thestar.com.my/tech/tech-news/2016/01/07/netflix-has-landed-in-malaysia> (diakses pada 26 Julai 2025).
- Venxhin Pang. (2017). We Visited foodpanda Malaysia. Conclusion? We Never Want To Run A Food Delivery Startup. <https://vulcanpost.com/600797/foodpanda-malaysia-behind-the-scenes-food-delivery/> (diakses pada 26 Julai 2025).
- Yusuf Abdullah al-Syubaili. (2011). Hukum Bitaqat al-Takhfeed. IslamWay. <https://ar.islamway.net/fatwa/34116/> (diakses pada 26 Julai 2025).
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2023a). Hukum Melanggan Pelan Grabfood dan Food Panda. <https://maktabahalbakri.com/1959-hukum-melanggan-pelan-grabfood-dan-food-panda/> (diakses pada 27 Oktober 2024).
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2023b). Hukum Melanggan Pelan Grabfood dan Food Panda. <https://maktabahalbakri.com/1959-hukum-melanggan-pelan-grabfood-dan-food-panda/> (diakses pada 13 Mei 2025).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.